

Jalan TAR jadi 'milik' warga Kuala Lumpur setiap Ahad

(20 SEPTEMBER 2012) METRO, P8

Kuala Lumpur: Jalan Tuan-ku Abdul Rahman (TAR) di sini, tetap menjadi tumpuan dan meriah dengan kehadiran orang ramai biarpun laluan itu ditutup kepada kenderaan sejak dua bulan lalu.

Penutupan laluan itu membabitkan sebahagian Jalan TAR bermula persimpangan Jalan Esfahan berhampiran kompleks beli-belah Sogo hingga ke persimpangan Jalan Melayu bermula jam 6 pagi hingga 12 tengah malam setiap Ahad.

Tinjauan Harian Metro pkelmarin mendapati kawasan itu mula dikunjungi orang ramai bersama keluarga dan rakan seawal jam 10 pagi dan sejam selepas itu kehadiran pengunjung semakin ramai.

Turut kelihatan kanak-kanak bermain skuter elektrik, manakala ramai pengunjung memilih berjalan di atas jalan raya, sekali gus mengelak di kesesakan di laluan pejalan kaki di tepi premis.



ORANG ramai mengambil kesempatan berjalan di tengah jalan raya di Jalan TAR susulan penutupan jalan itu kepada semua kenderaan pada setiap Ahad.

Beberapa pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga berada di persimpangan laluan masuk bagi memantau pergerakan kenderaan me-

masuk kawasan itu.

Pengunjung dari Johor Bharu, Surina Samshudin, 38, berkata, dia gembira Jalan TAR lebih mesra kepada pejalan kaki, sekali gus me-

mudahkan keluarga membawa anak kecil bersama.

Katanya, dia pernah beberapa kali ke kawasan itu dan terkejut apabila jalan itu ditutup setiap Ahad sejak



Penutupan jalan itu menjadikan suasana lebih selamat kepada kanak-kanak dan warga emas"

Surina

dua bulan lalu namun menyokong usaha dilakukan pihak berkenaan.

"Penutupan jalan itu menjadikan suasana lebih selamat terutamanya kepada kanak-kanak dan warga emas seperti mak saya yang terpaksa menggunakan kerusi roda kerana tidak larat berjalan jauh.

"Rasa seronok dan tenang berjalan di sini kerana kita memang tahu Kuala Lumpur memang selalu sesak terutama hujung minggu dan kawasan tumpuan ramai. Cuma parkir kereta agak jauh sedikit, tetapi itu jadi masalah dan inilah masa ki-

ta menggunakan kenderaan awam," katanya.

Bapa dua anak, Amar Mansor, 37, berkata, dia gembira apabila anaknya dapat berjalan bebas di laluan berkenaan yang sebelum ini selalu sesak.

"Bila tiada kenderaan lalu jalan ini lebih mudah kita kawal anak dan membeli barang pun jadi lebih selesa.

"Sebelum ini kalau datang ke Jalan TAR saya pernah terperangkap dalam kesesakan lebih setengah jam, pernah juga lebih lama dari itu... Jadi selepas ini nak membeli-belah terutama untuk persiapan raya pun lebih seronok," katanya.

Sementara itu, pekerja kedai batik, Izwasazurin Mohd Kamarulzaman, 23, berkata, penutupan jalan itu sebenarnya tidak menjejaskan perniagaan mereka, malah ramai pengunjung dilihat gembira.

Menurutnya, kehadiran pengunjung semakin ramai hingga boleh mencecah ratusan pada waktu petang.